

# Teknologi sejuk beku mampu atasi lambakan sayuran di Sabah

DE 24.04.2020 P3

LABUAN: Hayat kebolehpasaran sayur-sayuran boleh dilanjutkan selama 3-9 bulan dengan menggunakan teknologi sejuk beku berkaitan, sekali gus mengatasi masalah lambakan khususnya di Sabah.

Pensyarah kanan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal berkata teknologi tersebut bukanlah baharu namun kurang digunakan di Sabah dan sewajarnya diperluaskan oleh pemain industri sayuran.

"Syarikat-syarikat berkaitan boleh mendirikan kilang sejuk beku sayuran di lokasi strategik di tanah milik kerajaan negeri Sabah (dengan kelulusan) sedia ada bagi mengurangkan kos pembinaan kilang.

"Kos mesin sejuk beku lengkap adalah sekitar RM150,000 hingga RM500,000 dengan kapasiti pemprosesan 5-20 tan sehari selain pembungkusan 500 gram sehingga tiga kilogram setiap satu mengikut jenis sayuran," katanya kepada *Bernamea* pada Khamis.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas lambakan sayuran khususnya di tanah tinggi Kundasang, Ranau berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mengakibatkan kerugian besar kepada pengusaha dan peladang.

Menurutnya, masalah itu berlaku apabila permintaan sayuran terputus dari-

pada pengusaha-pengusaha hotel, resort, restoran dan kedai-kedai makan serta pelbagai industri susulan PKP.

"Sayuran yang telah dituai ini hanya mempunyai usia kebolehpasaran 1-3 hari sahaja dan ini menjadi masalah di pihak pengusaha.

"Oleh itu, penggunaan inovasi sejuk beku mampu menyelesaikan lambakan sayuran seterusnya mengelakkan peladang dan pengusaha terbabit rugi," katanya.

Dr Geoffrey yang menyifatkan Sabah berpotensi menjadi pusat pengeluaran sayuran utama Malaysia, berkata Kundasang pada masa ini mampu mengeluarkan sekitar 10-15 tan sayuran sehari dan pembukaan kilang sejuk beku itu mampu menangani isu hayat kebolehpasaran sayuran.

"Sayuran itu boleh dipasarkan ke seluruh Sabah dan lebihannya dieksport ke Brunei, Filipina dan Indonesia yang memberi hasil kepada kerajaan Sabah di masa depan," katanya.

Malah, katanya, ini turut mewujudkan potensi atau peluang pekerjaan selain mendorong lebih ramai anak muda terlibat dalam industri pertanian.

"Pandemik Covid-19 membuktikan bahawa sumber makanan adalah isu keselamatan negara kerana kita terpaksa mencari jalan mengatasi kesukaran mendapatkan bekalan yang disekat daripada memasuki negara ini," katanya. - *Bernamea*